



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	: SINAR HARIAN	MUKA SURAT	: 24
TARIKH	: 29/7/2019		
JABATAN	: KATS / YBM / PERHILITAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

'Harimau Malaya makin terancam'

Dr Siti Hasmah mahu semua pihak bersama melindungi harimau demi masa depan negara

SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR

PUTRAJAYA

Semua pihak digesa berganding bahu bagi meningkatkan populasi spesies Harimau Malaya yang diancam kepupusan.

Penaung Kempen Selamatkan Harimau Malaya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata, ketamakan manusia menjadi punca bilangan haiwan itu semakin berkurangan.

"Disebabkan ketamakan manusia, kita mungkin tidak akan dapat melihat haiwan ciptaan ALLAH yang indah ini.

"Harimau Malaya akan pupus dan ketika itu kita hanya boleh tunjuk lambang dalam jata negara dan baju T sahaja kepada cucu kita," katanya ketika berucap di majlis sambutan Hari Harimau Sedunia 2019 dan pelancaran Kempen Selamatkan Harimau Malaya 2019-2020 di sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr



FOTO: BERNAMA

Dr Siti Hasmah (dua dari kiri) melihat replika Harimau Malaya pada majlis sambutan Hari Harimau Sedunia di Putrajaya semalam. Turut hadir Dr Wan Azizah (kiri) dan Xavier (dua dari kanan).

Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar dan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador.

Dalam majlis itu, Dr Siti Hasmah turut mengumumkan nama rasmi bagi tiga ekor anak Harimau Malaya yang dilahirkan di Zoo Negara pada Mei lalu.

"Dua ekor anak harimau yang jantan saya namakan Wira dan Hebat, manakala yang betina saya beri nama Melur," katanya.

Isteri Perdana Menteri itu juga bergurau menyatakan hasratnya untuk memeluk tiga anak

harimau tersebut.

"Tetapi apabila saya dibawa berjumpa dengan tiga ekor anak harimau ini, rupa-rupanya mereka sudah membesar. Tak mungkin saya dapat peluk.

"Namun syukur Alhamdulillah kerana tiga ekor anak harimau ini dapat dilahirkan," katanya.

Majlis turut menyaksikan Dr Siti Hasmah menerima sumbangan daripada badan-badan korporat, NGO, universiti dan sekolah untuk Tabung Selamatkan Harimau Malaya berjumlah RM1.34 juta bagi melaksanakan inisiatif konversasi Harimau Malaya.

FOTO: BERNAMA

Harimau Malaya

Panthera tigris jacksoni



Tahukah anda :



Belang harimau adalah seperti cap jari, tidak ada dua harimau yang mempunyai corak belang serupa



Penglihatan harimau di waktu malam adalah enam kali lebih baik daripada pemandangan manusia



Antara harimau terkecil di dunia

Dianggarkan terdapat 3,000 harimau di Malaysia pada sekitar 1950an. Malangnya, angka itu berkurangan kepada hanya 250-340 ekor dalam tempoh setengah abad

Ancaman :

Pemburuan & perdagangan hidupan liar haram



Kehilangan habitat kerana penebangan hutan & pemecahan habitat

Sumber : WWF Malaysia

Infografik Bernama